

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-26

27 JANUARI 2022 I 10.00 PAGI

PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL UNIVERSITI MALAYA

# ISI KANDUNGAN


| *BIL* | KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| *1* | Notis Mesyuarat | 3 |
| *2* | Surat Kebenaran Pelepasan Kerja | 4 |
| *3* | Agenda Mesyuarat | 5 |
| *4* | Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 (25 Julai 2019) | 6 - 11 |
| *5* | Laporan Kewangan & Penyata Berakhir 31 Disember 2019 | 12 - 17 |
| *6* | Laporan Kewangan & Penyata Berakhir 31 Disember 2020 | 18 - 23 |
| *7* | Laporan Aktiviti Tahunan Ke-26 | 24 - 30 |
| *8* | Laporan Aktiviti Tahunan Ke-27 | 31 - 39 |
| *9* | Lampiran 1 – Gambar Aktiviti Tahunan Ke-26 | 40 - 41 |
| *10* | Lampiran 2 – Gambar Aktiviti Tahunan Ke-27 | 42 - 43 |
| *11* | Lampiran 3 – Senarai Aktiviti Fizikal yang Tertangguh | 43 |
| *12* | Lampiran 4 – Senarai Ahli Baru PJMUM Sehingga Disember 2021 | 44 |
| *13* | Lampiran 5 – Senarai Pesara 2019/2021 – Sehingga Disember 2021 | 45 |

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL**
**UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR**
THE ASSOCIATION OF UNIVERSITY OF MALAYA LABORATORY TECHNOLOGIST KUALA LUMPUR
d/a Pejabat Dekan, Fakulti Sains, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur
**Fax:** (603) 7967 5318 **Tel:** (603) 7967 5219 **No. Pendaftaran: 1900/94[W.P.]**
**Penasihat :** Prof Dato' Dr Mohd Jamil Bin Maah

UM/PJMUM/2022/1

7 JANUARI 2022

Kepada : SEMUA AHLI PJMUM

Tuan/Puan

**NOTIS PERTAMA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PJMUM (AGM) KALI KE-26**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan PJMUM (AGM) kali ke - 26 yang tertangguh disebabkan kekangan pandemik Covid-19 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | **: 27 JANUARI 2022 (KHAMIS)** |
| **MASA** | **: 10.00 PAGI** |
| **PLATFORM** | **: SECARA DALAM TALIAN (MICROSOFT TEAM).** |

2. Oleh kerana sesi kali ini melibatkan **PEMILIHAN JAWATANKUASA BAGI TEMPOH 2021-2023**, maka mengikut Perlembagaan PJMUM, Peraturan 15, ahli-ahli adalah dijemput mengemukakan:

I. Pencalonan bagi jawatan-jawatan seperti di dalam borang pencalonan. Pautan Borang: https://forms.gle/TorGhuD6eutazMmo7

II. Resolusi-resolusi termasuk pindaan kepada perlembagaan PJMUM (Sekiranya ada). Pautan Borang: https://forms.gle/y2tx2UFn36bxCEgX7

3. Tuan/Puan juga perlu mengisi dan mengembalikan **SLIP KEHADIRAN** yang disediakan bagi memudahkan pihak urusetia menyusun keperluan mesyuarat nanti. Pautan Borang: https://forms.gle/5inoQ7D6cnyfUhLg7.

4. Semua borang perlu dihantar **SEBELUM/PADA 17 JANUARI 2022 (ISNIN), JAM 12.00 TENGAHARI.** Sokongan dan kerjasama tuan/puan amat dihargai.

Sekian, Terima kasih

Yang menjalankan amanah,

..........................................

**FARALIZA ALIAS**
Setiausaha Kehormat PJMUM

PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL
UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR
No. Pendaftaran: 1900/94[W.P.]
http://juruteknologis-makmal.um.edu.my

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL**
**UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR**
THE ASSOCIATION OF UNIVERSITY OF MALAYA LABORATORY TECHNOLOGIST KUALA LUMPUR
d/a Pejabat Dekan, Fakulti Sains, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur
**Fax:** (603) 7967 5318 **Tel:** (603) 7967 5219 **No. Pendaftaran:** 1900/94[W.P.]
**Penasihat :** Prof Dato' Dr Mohd Jamil Bin Maah

UM/PJMUM/2022/2

10 JANUARI 2022

TERIMA
13 JAN 2022
Pendaftar
Universiti Malaya

Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman,
Pemangku Pendaftar,
Universiti Malaya

Tuan

**PERMOHONAN KEBENARAN PELEPASAN KERJA KEPADA AHLI PJMUM UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-26**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, Persatuan Juruteknologis Makmal UM (PJMUM) akan mengadakan Mesyuarat Agung kali Ke-26 pada tahun ini. Oleh kerana itu, pihak kami mengharapkan jasa baik tuan untuk memberi pelepasan kerja kepada ahli kami bagi menghadiri mesyuarat terbabit yang akan dijalankan secara atas talian.

3. Berikut adalah maklumat mesyuarat:

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PJMUM KALI KE-26 (AGM-26)**
TARIKH: 27 Januari 2022 (Khamis)
MASA: 10.00 Pagi – 1.00 Petang
PLATFORM: Secara Atas Talian (Microsoft Team)

4. Besar harapan kami untuk mendapat kelulusan permohonan daripada pihak tuan bagi memastikan perjalanan Mesyuarat Agung kami berjalan lancar. Kerjasama dan keprihatinan tuan amat kami hargai.

Sekian. Terima Kasih

Yang benar,

**ROSLEE BIN HALIP**
Presiden PJMUM
d/a Institut Sains Biologi, Fakulti Sains
(013-399 8787)

s.k: Pemangku Timbalan Pendaftar Kanan
Setiausaha Kehormat PJMUM

Tiada halangan

17/1/2022

b/p
PROFESOR IR. DR. NOOR AZUAN ABU OSMAN
Pemangku Pendaftar
Universiti Malaya

## AGENDA MESYUARAT

| BIL | |
|---|---|
| 1 | UCAPAN ALUAN PRESIDEN PJMUM |
| 2 | UCAPAN AMANAT PENASIHAT PJMUM |
| 3 | UCAPAN PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PJMUM KE-26 |
| 4 | PEMBENTANGAN & PENERIMAAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE-25 |
| 5 | PERKARA – PERKARA BERBANGKIT |
| 6 | PEMBENTANGAN & PENERIMAAN LAPORAN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 |
| 7 | PEMBENTANGAN & PENERIMAAN LAPORAN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 |
| 8 | PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN KE-26 (2019/2020) – SESI OGOS 2019 HINGGA JULAI 2020 |
| 9 | PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN KE-27 (2020/2021) – SESI OGOS 2020 HINGGA DISEMBER 2021 |
| 10 | PERLANTIKAN JURUAUDIT LUAR DAN DALAMAN |
| 11 | RESOLUSI/CADANGAN – NOTIS DITERIMA |
| 12 | HAL - HAL LAIN |
| 13 | PEMBUBARAN AJK SESI 2019-2021 |
| 14 | PEMILIHAN AJK SESI 2021-2023 |
| 15 | PENGUMUMAN BARISAN AJK SESI 2021-2023 |
| 16 | UCAPAN PENANGGUHAN PRESIDEN SESI 2021-2023 |

| | |
|---|---|
| PJMUM | **PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL**<br>**UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR**<br>https://juruteknologis-makmal.um.edu.my |

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-25**

TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)
MASA : 10.00 Pagi – 1.00 Petang
TEMPAT : DEWAN KULIAH TERATAI, FAKULTI SAINS, UNIVERSITI MALAYA
TETAMU KHAS (PERASMI) : YG. BHG. DATO' PROF. DR. MOHD JAMIL BIN MAAH
TETAMU JEMPUTAN : TUAN HAJI HARUN MOHD SALLEH
**AHLI PERSATUAN : 134 Orang**
**KEHADIRAN AHLI : 93 Orang**

**PEMBUKAAN MAJLIS:**

Majlis dimulakan dengan kata aluan selamat datang daripada Pengacara Majlis, Puan Faraliza Alias. Majlis disusuli dengan bacaan doa daripada Encik Mohd Hafiz Mansor memohon agar perjalanan majlis diberkati Allah SWT dan mesyuarat berjalan lancar.

**AGENDA 1: UCAPAN ALUAN PRESIDEN**

Presiden PJMUM Encik Mohamad mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Yg.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Jamil Bin Maah selaku Penasihat PJMUM dan mantan Presiden PJMUM Tuan Haji Harun yang sudi hadir ke Mesyuarat Agung PJMUM kali ke-25 ini. Beliau juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan Ahli Jawatankuasa yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan mesyuarat Agung kali ini supaya berjalan dengan lancar.

Di dalam ucapan, beliau memaklumkan yang beliau akan bersara pada 31 Disember 2019. Beliau berharap agar pucuk pimpinan baru yang bakal dilantik nanti dapat menerajui PJMUM dan bergiat aktif bagi memastikan kesinambungan dan objektif persatuan terus diperjuangkan dan dikembangkan.

Beliau juga berharap agar semua ahli akan sentiasa memberikan kepercayaan, sokongan dan kerjasama berterusan kepada AJK bagi memastikan kesinambungan perjalanan PJMUM ke arah lebih cemerlang. Sebelum mengakhiri ucapan, beliau mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada semua calon yang akan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa PJMUM sesi 2019-2021 yang baru nanti.

**AGENDA 2: UCAPAN PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KALI KE-25**

Yg. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Jamil Bin Maah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Presiden PJMUM kerana menjemput beliau bagi merasmikan Mesyuarat AGM kali ke-25 ini. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa kerana berusaha keras dalam menjayakan mesyuarat AGM kali ini. Beliau yang juga penasihat PJMUM dan juga Pengarah Pusat Asasi UM memaklumkan, bahawa PJMUM sudah beliau anggap seperti anak sendiri kerana sudah bersama PJMUM sejak ia mula ditubuhkan lagi. Beliau sangat berbesar hati kerana masih diperlukan di dalam PJMUM walaupun sudah 5 tahun beliau berpencen daripada perkhidmatan hakiki.

Dalam ucapan, beliau menekankan agar semua ahli PJMUM bertindak lebih proaktif dalam memperkasakan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran serta mengilap potensi dan bakat serta meningkatkan lagi daya kepimpinan masing-masing. Tegas beliau, kompetensi setiap ahli-ahli perlu dipertingkatkan lagi melebihi tugasan hakiki. Beliau menyarankan agar semua ahli PJMUM khususnya warga kerja makmal untuk mendapatkan penilaian daripada pihak luar bagi mendapat pengiktirafan spesifik kemahiran seperti contoh bagi mengendali alatan daripada badan-badan tertentu. Kompetensi spesifik yang dimiliki oleh ahli-ahli akan menjamin peluang yang sangat luas dari segi peluang pekerjaan, peluang belajar dan lain-lain lagi.

Beliau juga berharap Presiden dan barisan Ahli Jawatankuasa yang akan dilantik nanti dapat memperjuangkan lagi gred-gred jawatan bagi wargakerja makmal dengan kerjasama ahli akademik dan badan berkaitan. Justifikasi yang penting dan diperlukan perlu dibincang bagi menyediakan kertas kerja yang merangkumi semua aspek kebajikan dan kemajuan kompetensi ahli-ahli di gred Sains dan Teknologi.

Di akhir ucapan beliau, beliau berharap bakal presiden yang baru dapat menjaga PJMUM dan menjaga kebajikan ahli-ahlinya. Dalam ucapan, beliau juga merakamkan jutaan terima kasih kepada En. Mohamad, Presiden PJMUM sesi 2017/2019 yang telah menerajui PJMUM selama 2 tahun dan kepimpinan beliau patut dicontohi oleh pelapis yang baru.

Beliau seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-25, PJMUM.

**AGENDA 3: PEMBENTANGAN & PENERIMAAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE-24**

Presiden PJMUM, Encik Mohamad Bin Akasah membentangkan Minit Mesyuarat Agung ke-24 yang telah dijalankan pada 26 Julai 2018. Beliau memohon semua ahli yang hadir menyemak dokumen – dokumen yang telah diedarkan dan meminta seorang ahli sebagai pencadang dan penyokong bagi agenda ini.

Encik Faisal Hadi B. Mohd Amizam daripada Institut Sains Biologi mencadangkan agar minit mesyuarat diterima dan disokong oleh Encik Mohamad Shukri B. Abdul Jamil daripada Kejuruteraan Awam.

Mesyuarat seterusnya bersetuju mengesahkan Minit Mesyuarat Agung kali ke-24 tanpa pindaan.

**AGENDA 4: PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**
Tiada perkara yang dibangkitkan.

**AGENDA 5: PEMBENTANGAN & PENERIMAAN LAPORAN KEWANGAN**

Bendahari Kehormat, Puan Hazulina Che Ab Aziz membentangkan laporan kewangan PJMUM berakhir 31 Disember 2018 untuk diteliti dan disahkan.

Laporan kewangan dan penyata seterusnya diterima atas cadangan Encik Nadzrul Jamal Jamaludin daripada Institut Sains Biologi dan disokong oleh Encik Joohari Ismail daripada Institut Sains Biologi.

**AGENDA 6: PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN**

6.1. Setiausaha Kehormat, Puan Faraliza Alias membentang laporan aktiviti tahunan PJMUM bagi sesi bermula Julai 2018 hingga Jun 2019. Beliau turut memaklumkan bahawa PJMUM mempunyai kekangan dari segi kewangan apabila mahu melakukan aktiviti. Justeru itu beliau berharap PJMUM akan terus mendapat sokongan daripada ahli bagi menyertai apa jua aktiviti yang dijalankan walaupun sekiranya ahli terpaksa mengeluarkan sedikit bayaran demi memastikan PJMUM terus bergerak aktif. Namun AJK akan sentiasa berusaha memastikan PJMUM sentiasa mempunyai aktiviti yang bermanfaat kepada semua ahlinya.

6.2. Mesyuarat seterusnya menerima laporan aktiviti tahunan PJMUM dengan cadangan Puan Annie Liza Baharah daripada Institut Sains Biologi dan disokong oleh Encik Mohd Hafiz Mansor juga daripada Institut Sains Biologi.

**AGENDA 7: PERLANTIKAN JURUAUDIT DALAMAN 2019**

Mesyuarat bersetuju mengekalkan Encik Saharudin Bin Zainal dan Encik Mohamad Bin Aruf sebagai Juruaudit Dalaman PJMUM bagi tahun 2019.

**AGENDA 8: PERLANTIKAN JURUAUDIT LUAR 2019**

8.1. Puan Bendahari Kehormat memaklumkan, beliau ada menerima cadangan agar PJMUM mencari Syarikat Firma Juruaudit luar lain bagi tahun 2019. Beliau telah cuba mendapatkan sebutharga bagi tujuan berkenaan dan hanya 1 syarikat yang memberi maklumbalas iaitu daripada Syarikat Firma Halim Ahmad & Co . Namun kadar bayaran yang ditawarkan dalam sebutharga adalah tinggi iaitu RM 1410.00 berbanding harga yang ditawarkan oleh syarikat Firma sedia ada iaitu RM 806.00.

8.2. Justeru itu mesyuarat telah sebulat suara bersetuju mengekalkan Syarikat Sylvester Anthony & Co sebagai Firma Juruaudit Luar PJMUM bagi tahun 2019.

**AGENDA 9: RESOLUSI / CADANGAN – NOTIS DITERIMA**
Tiada resolusi dan cadangan diterima.

**AGENDA 10: PEMBUBARAN AJK SESI 2017-2019**

10.1. Presiden PJMUM, Encik Mohamad Bin Akasah dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim mengumumkan barisan Ahli Jawatankuasa PJMUM Sesi 2017-2019 dibubarkan. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas semua sokongan dan kerjasama cemerlang yang diberikan oleh AJK sesi 2017-2019 kepada PJMUM sepanjang beliau menerajui PJMUM. Beliau berharap AJK sesi 2019-2021 nanti akan terus berusaha membawa PJMUM ke hadapan dan menyayangi PJMUM.

10.2. Mesyuarat kemudiannya bersetuju melantik beliau menjadi pengerusi sementara, bagi meneruskan proses pemilihan dan undian AJK sesi 2019-2021.

**AGENDA 11: PEMILIHAN AJK PJMUM BARU SESI 2019-2021**

11.1. Menerusi email Notis Makluman Mesyuarat Agung bertarikh 4 Julai 2019, disertakan bersama adalah borang pencalonan bagi AJK Sesi 2019-2021. Sehingga tarikh tutup 18 Julai 2019, PJMUM hanya menerima 1 pencalonan bagi beberapa jawatan sahaja. Justeru itu, jawatankuasa bersetuju untuk menerima pencalonan dan membuat pemilihan secara undian oleh semua ahli yang hadir di dalam Mesyuarat Agung.

11.2. Pegawai – Pegawai Utama dan Ahli Jawatankuasa PJMUM Sesi 2019-2021 adalah seperti berikut:

| JAWATAN | NAMA | PTJ/FAKULTI |
|---|---|---|
| PRESIDEN | EN. ROSLEE BIN HALIP | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| TIMB. PRESIDEN | PN. ROSMAWATI BINTI HASHIM | INSTITUT SAINS BIOLOGI |

| | | |
|---|---|---|
| SETIAUSAHA KEHORMAT | PN. FARALIZA BINTI ALIAS | FAKULTI PERGIGIAN |
| PENOLONG SETIAUSAHA KEHORMAT | EN. NORSAIDIN BIN MAHUSIN | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| BENDAHARI KEHORMAT | PN. HAZULINA BINTI CHE AB AZIZ | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| PENOLONG BENDAHARI KEHORMAT | EN. MUHAIRIZAM BIN MANAN | FAKULTI KEJURUTERAAN |
| PENGARANG KEHORMAT /WEBMASTER | EN. MOHD RIDZUAN BIN MAT | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| AHLI JAWATANKUASA | EN. FAISAL HADI MOHD AMIZAM | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| | PN. NURZIHA SARAH ABDUL RAHMAN | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| | EN. MOHAMAD SHAHRIZAD ZAINAL ABIDIN | JABATAN GEOLOGI |
| | PN. RUHAIDA BAHRU | JABATAN KIMIA |
| | PN. NORLELA MOHAMED SHAHARDIN | JABATAN FIZIK |
| | PN. NOSRIHAH ISMAIL | FAKULTI PERUBATAN |
| | PN. NUR LATIFAH AHMAD ZAIDI | FAKULTI PERUBATAN |
| | EN. MOHAMAD HAIRUL AZMIR HARUN | PUSAT ASASI SAINS |
| | EN. JEBRI BIN SULAIMAN | INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN & PEMANTAUAN (IPPP) |
| | EN. MOHAMAD SHUKRI ABDUL JAMIL | FAKULTI KEJURUTERAAN |

**AGENDA 12: HAL-HAL LAIN**

**1.1. SUMBANGAN IHSAN "ONE OFF" KEUZURAN/KEMATIAN:**

1.1.1. Setiausaha Kehormat, Puan Faraliza memaklumkan, sebagaimana keputusan yang telah dipersetujui di dalam AGM-24 yang lalu, sumbangan Ihsan PJMUM "One Off" kepada ahli/waris telah mula dilaksanakan. PJMUM melalui Presiden PJMUM, Encik Mohamad Akasah dan Timbalan Presiden, Puan Rosmawati telah menyerahkan sumbangan Ihsan PJMUM berjumlah RM150.00 dan RM400.00 hasil kutipan di kalangan ahli PJMUM kepada waris Arwah Yusuf B Zain yang uzur dan telah meninggal dunia pada Jun 2019 yang lalu.

1.1.2. Semoga usaha ini akan terus dilihat sebagai tanda keprihatinan PJMUM mengurangkan beban ahli dan tanda terima kasih kepada semua ahli yang sentiasa menyokong setiap usaha PJMUM ke arah menjadi lebih baik dan cemerlang.

## 1.2. CENDERAHATI PENGHARGAAN BAGI AHLI PENCEN

1.2.1. Puan Hazulina menyuarakan cadangan beberapa orang ahli agar ahli PJMUM yang telah berpencen pada sesi semasa diberikan cenderahati sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan atas sokongan kepada PJMUM.

1.2.2. Ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan berikut dan memutuskan agar ia dibuat mengikut sesi setiap tahun bermula 26 Julai 2019 sehingga AGM tahun seterusnya. Jenis dan nilai cenderahati akan diputuskan oleh AJK PJMUM.

## AGENDA 13: UCAPAN PENANGGUHAN PRESIDEN SESI 2019-2021

Encik Roslee Halip selaku Presiden PJMUM yang baru bagi sesi 2019-2021 telah memperkenalkan barisan Pegawai Utama dan Ahli Jawatankuasa di bawah pimpinan beliau. Beliau mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau dan barisan AJK baru untuk meneruskan tanggungjawab dan menjalankan amanah mengurus PJMUM.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Mantan Presiden PJMUM sebelum ini, Encik Mohamad Bin Akasah kerana telah berkhidmat dengan cemerlang di dalam menerajui PJMUM bagi sesi 2017-2019.

Mesyuarat Agung Tahunan PJMUM kali ke-25 tamat Jam 1.00 Petang.

Dicatat Oleh:

.....................................
ENCIK MOHD SHUKRI BIN AZ AZIZ

Disediakan oleh:

.....................................
PUAN FARALIZA ALIAS
Setiausaha Kehormat PJMUM

Disemak oleh:

.....................................
ENCIK ROSLEE BIN HALIP
Presiden PJMUM

11 Oktober 2019

# LAPORAN KEWANGAN DAN PENYATA PJMUM BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

## LAPORAN JURUODIT DALAMAN TAHUN 2019

Kami Juruodit Dalam Persatuan Juruteknologis Makmal Universiti Malaya yang dilantik untuk mengodit Akaun Tahun 2019 sahkan bahawa semua dokumen akaun berkenaan adalah tepat dan benar.


En. Saharudin Bin Zainal
Jabatan Kimia
Fakulti Sains
Universiti Malaya

Encik Mohamad Bin Aruf
Jabatan Fizik
Fakulti Sains
Universiti Malaya


Tarikh : 03 MAC 2021

## LAPORAN JURUAUDIT DALAMAN TAHUN 2019

Kami Juruaudit Dalam Persatuan Juruteknologis Makmal Universiti Malaya yang dilantik untuk mengaudit Akaun Tahun 2019 sahkan bahawa semua dokumen akaun berkenaan adalah tepat dan benar.


En. Saharudin Bin Zainal
Jabatan Kimia
Fakulti Sains
Universiti Malaya

Encik Mohamad Bin Aruf
Universiti Malaya


Tarikh : 4 hb March 2021

## LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)

Kami telah memeriksa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran bersama-sama buku-buku akaun dan baucer Persatuan Juruteknologis Makmal Universiti Malaya (PJMUM) dan kami juga telah memperolehi segala maklumat yang berkaitan dan penerangan yang diperlukan.

Pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran yang dilampirkan bersama telah disediakan secara sempurna bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Persatuan pada 31hb Disember, 2019 dan keputusan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berdasarkan sebaik-baik pengetahuan kami dan penerangan yang diberikan kepada kami dan juga sepertimana yang ditunjukkan di dalam buku-buku Persatuan.

**SYLVESTER ANTHONY & CO.**
**No. AF 0844**
**Akauntan Bertauliah**

**SYLVESTER DEVARAJ ANTHONY**
**Pemilik Tunggal**
**1531/06/2021(J)**

**Petaling Jaya**
Tarikh : 20 MAY 2020

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL**
**UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)**

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB DISEMBER 2019

| | Note | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET TETAP** | 2 | 1,139 | 1,469 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Faedah Terakru | | 959 | 792 |
| Simpanan Tetap Di Bank Berlesen | | 29,656 | 28,698 |
| Tunai Di Bank | | 33,408 | 33,131 |
| Tunai Di Tangan | | 63 | 77 |
| | | 64,086 | 62,697 |
| **TOLAK : LIABILITI SEMASA** | | | |
| Perbelanjaan Terakru | | 846 | 806 |
| | | 846 | 806 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 63,240 | 61,891 |
| | | 64,379 | 63,360 |

**Roslee Halip**
**Presiden**

**Hazulina Che Ab Aziz**
**Bendahari Kehormat**

**Faraliza Alias**
**Setiausaha Kehormat**

**Kuala Lumpur,**
Tarikh : 20 MAY 2020

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL**
**UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)**

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2019**

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | |
| Yuran Bulanan | 4,914 | 4,500 |
| Yuran Kemasukan Ahli | 35 | 195 |
| Faedah Simpanan Tetap | 959 | 874 |
| Kursus Pengurusan & Kesedaran Makmal | - | 325 |
| Lebihan perbelanjaan kursus | - | 12 |
| Pengembalian elaun kehadiran AGM | - | 1,080 |
| Tempahan baju koperat oleh ahli | 525 | - |
| Bayaran baju koperat ajk sesi2019/20 | 470 | - |
| | 6,903 | 6,986 |
| **TOLAK : PERBELANJAAN** | | |
| Alat Tulis | 29 | 496 |
| Bayaran Juruaudit | 846 | 806 |
| Bayaran balik yuran | - | 90 |
| Baju koperat AJK | 430 | 750 |
| Caj Bank | 23 | 17 |
| Elaun AJK | 873 | 800 |
| Kalendar 2019 | 120 | 450 |
| Kursus Pengurusan & Keselamatan Makmal | - | 3,940 |
| Perbelanjaan Mesyuarat Agung | 3,210 | 3,741 |
| Sumbangan / Derma | 150 | 864 |
| Susut nilai asset - Laptop | 330 | 330 |
| Jumlah Perbelanjaan | 6,011 | 12,284 |
| Kelebihan pendapatan dari perbelanjaan / (Kelebihan perbelanjaan dari pendapatan) | 892 | (5,298) |

**Roslee Halip**

**Presiden**

**Hazulina Che Ab Aziz**

**Bendahari Kehormat**

**Faraliza Alias**
**Setiausaha Kehormat**

**Kuala Lumpur,**

Tarikh : 20 MAY 2020

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)**

**PENYATA PERUBAHAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2019**

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| **BAKI TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK PADA 1HB JANUARI** | 33,207 | 40,848 |
| **SIMPANAN TETAP** | 28,698 | 27,824 |
| **PENERIMAAN** | | |
| Yuran Bulanan | 4,914 | 4,500 |
| Yuran Kemasukan Ahli | 35 | 195 |
| Faedah Simpanan Tetap | 959 | 874 |
| Kursus Pengurusan & Kesedaran Makmal | - | 325 |
| Lebihan perbelanjaan kursus | - | 12 |
| Pengembalian elaun mesyuarat bulanan/derma | - | 1,080 |
| Tempahan baju koperat oleh ahli | 525 | - |
| Bayaran baju koperat ajk sesi 2019/20 | 470 | - |
| | 6,903 | 6,986 |
| | 68,808 | 75,658 |
| **TOLAK : PEMBAYARAN** | | |
| Alat Tulis | 29 | 496 |
| Bayaran Juruaudit | 846 | 806 |
| Bayaran balik yuran | - | 90 |
| Baju koperat AJK | 430 | 750 |
| Caj Bank | 23 | 17 |
| Elaun AJK | 873 | 800 |
| Kalendar 2019 | 120 | 450 |
| Kursus Pengurusan & Keselamatan Makmal | - | 3,940 |
| Perbelanjaan Mesyuarat Agung | 3,210 | 3,741 |
| Pembelian peralatan pejabat | - | 1,799 |
| Sumbangan / Derma | 150 | 864 |
| | 5,681 | 13,753 |
| **BAKI TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK PADA 31HB DISEMBER** | 63,127 | 61,905 |
| **DIBIAYAI OLEH :-** | | |
| Akaun Simpanan Di Bank Bumiputra-Commerce | 33,408 | 33,131 |
| Tunai Di Tangan | 63 | 77 |
| Simpanan Tetap Di Public Finance | 29,656 | 28,698 |
| | 63,127 | 61,905 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL
UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2019

## 1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

### a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Persatuan adalah berterusan.

### b) Susutnilai

Susutnilai aset diperuntukan mengikut kaedah garisan lurus pada kadar seperti berikut :-

Peralatan pejabat - 20%

| **2019– Kos** | **Peralatan Pejabat** | **Jumlah** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Baki Pada 01.01.2019 | 1,799 | 1,799 |
| Tambahan | - | - |
| Pelupusan | - | - |
| Baki Pada 31.12.2019 | 1,799 | 1,799 |
| **2019 – Susutnilai Terkumpul** | | |
| Baki Pada 01.01.2019 | 330 | 330 |
| Susutnilai | 330 | 330 |
| Pelupusan | - | - |
| Baki Pada 31.12.2019 | 660 | 660 |
| **Nilai Buku Bersih** | | |
| At 31.12.2019 | 1,139 | 1,139 |
| At 31.12.2018 | 1,469 | 1,469 |

# PENYATA KEWANGAN DAN PENYATA PJMUM BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

**LAPORAN JURUODIT DALAMAN TAHUN 2020**

Kami Juruodit Dalam Persatuan Juruteknologis Makmal Universiti Malaya yang dilantik untuk mengodit Akaun Tahun 2020 sahkan bahawa semua dokumen akaun berkenaan adalah tepat dan benar.

En. Saharudin Bin Zainal
Jabatan Kimia
Fakulti Sains
Universiti Malaya

Encik Mohamad Bin Aruf
Universiti Malaya

Tarikh : 03 mac 2021

**LAPORAN JURUAUDIT DALAMAN TAHUN 2020**

Kami Juruaudit Dalam Persatuan Juruteknologis Makmal Universiti Malaya yang dilantik untuk mengaudit Akaun Tahun 2020 sahkan bahawa semua dokumen akaun berkenaan adalah tepat dan benar.

En. Saharudin Bin Zainal
Jabatan Kimia
Fakulti Sains
Universiti Malaya

Encik Mohamad Bin Aruf
Universiti Malaya

Tarikh : 4 hb March 2021

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)**

Kami telah memeriksa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran bersama-sama buku-buku akaun dan baucer Persatuan Juruteknologis Makmal Universiti Malaya (PJMUM) dan kami juga telah memperolehi segala maklumat yang berkaitan dan penerangan yang diperlukan.

Pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran yang dilampirkan bersama telah disediakan secara sempurna bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Persatuan pada 31hb Disember, 2020 dan keputusan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berdasarkan sebaik-baik pengetahuan kami dan penerangan yang diberikan kepada kami dan juga sepertimana yang ditunjukkan di dalam buku-buku Persatuan.

**SYLVESTER ANTHONY & CO.**
**No. AF 0844**
**Akauntan Bertauliah**

**SYLVESTER DEVARAJ ANTHONY**
**Pemilik Tunggal**
**1531/06/2021(J)**

**Petaling Jaya**
Tarikh : 25 MAY 2021

PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL
UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB DISEMBER 2020

| | Note | 2020 RM | 2019 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET TETAP** | 2 | 809 | 1,139 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Faedah Terakru | | 915 | 959 |
| Simpanan Tetap Di Bank Berlesen | | 30,572 | 29,656 |
| Tunai Di Bank | | 33,995 | 33,408 |
| Tunai Di Tangan | | 141 | 63 |
| | | 65,623 | 64,086 |
| **TOLAK : LIABILITI SEMASA** | | | |
| Perbelanjaan Terakru | | 846 | 846 |
| | | 846 | 846 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 64,777 | 63,240 |
| | | 65,586 | 64,379 |

**Roslee Halip**
**Presiden**

**Hazulina Che Ab Aziz**
**Bendahari Kehormat**

**Faraliza Alias**
**Setiausaha Kehormat**

**Kuala Lumpur,**
Tarikh : 25 MAY 2021

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)**

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2020**

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | |
| Yuran Bulanan | 4,800 | 4,914 |
| Yuran Kemasukan Ahli | 15 | 35 |
| Faedah Simpanan Tetap | 916 | 959 |
| Tempahan baju koperat oleh ahli | - | 525 |
| Bayaran baju koperat ajk sesi2019/20 | - | 470 |
| Sumbangan sukaneka | 100 | - |
| Yuran sukaneka | 495 | - |
| Lebihan perbelanjaan sukaneka | 107 | - |
| | 6,433 | 6,903 |
| **TOLAK : PERBELANJAAN** | | |
| Alat Tulis | 29 | 29 |
| Bayaran Juruaudit | 846 | 846 |
| Baju koperat AJK | 670 | 430 |
| Caj Bank | 3 | 23 |
| Elaun AJK | 1,600 | 873 |
| Kalendar 2019 | 1,050 | 120 |
| Perbelanjaan Mesyuarat Agung | | 3,210 |
| Sumbangan / Derma | | 150 |
| Sukaneka PJMUM | 1,500 | - |
| Susut nilai asset | 330 | 330 |
| | 6,028 | 6,011 |
| Kelebihan pendapatan dari perbelanjaan / (Kelebihan perbelanjaan dari pendapatan) | 405 | 892 |

**Roslee Halip**

**Presiden**

**Hazulina Che Ab Aziz**

**Bendahari Kehormat**

**Faraliza Alias**

**Setiausaha Kehormat**

**Kuala Lumpur,**

Tarikh : 25 MAY 2021

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)**

**PENYATA PERUBAHAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2020**

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|---|---|
| **BAKI TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK PADA 1HB JANUARI** | 33,471 | 33,207 |
| **SIMPANAN TETAP** | 29,656 | 28,698 |
| **PENERIMAAN** | | |
| Yuran Bulanan | 4,800 | 4,914 |
| Yuran Kemasukan Ahli | 15 | 35 |
| Faedah Simpanan Tetap | 916 | 959 |
| Tempahan baju koperat oleh ahli | - | 525 |
| Bayaran baju koperat ajk sesi 2019/20 | - | 470 |
| Sumbangan sukaneka | 100 | - |
| Yuran sukaneka | 495 | - |
| Lebihan perbelanjaan sukaneka | 107 | - |
| | 6,433 | 6,903 |
| | 69,560 | 68,808 |
| **TOLAK : PEMBAYARAN** | | |
| Alat Tulis | 29 | 29 |
| Bayaran Juruaudit | - | 846 |
| Baju koperat AJK | 670 | 430 |
| Caj Bank | 3 | 23 |
| Elaun AJK | 1,600 | 873 |
| Kalendar 2019 | 1,050 | 120 |
| Perbelanjaan Mesyuarat Agung | - | 3,210 |
| Sukaneka PJMUM | 1,500 | - |
| Sumbangan / Derma | - | 150 |
| | 4,852 | 5,681 |
| **BAKI TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK PADA 31HB DISEMBER** | 64,708 | 63,127 |
| **DIBIAYAI OLEH :-** | | |
| Akaun Simpanan Di Bank Bumiputra-Commerce | 33,995 | 33,408 |
| Tunai Di Tangan | 141 | 63 |
| Simpanan Tetap Di Public Finance | 30,572 | 29,656 |
| | 64,708 | 63,127 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**PERSATUAN JURUTEKNOLOGIS MAKMAL**
**UNIVERSITI MALAYA KL (PJMUM)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2020**

## 1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

### a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Persatuan adalah berterusan.

### b) Susutnilai

Susutnilai aset diperuntukan mengikut kaedah garisan lurus pada kadar seperti berikut :-

Peralatan pejabat - 20%

| **2020– Kos** | **Peralatan Pejabat** | **Jumlah** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Baki Pada 01.01.2020 | 1,799 | 1,799 |
| Tambahan | - | - |
| Pelupusan | - | - |
| Baki Pada 31.12.2020 | 1,799 | 1,799 |
| **2020 – Susutnilai Terkumpul** | | |
| Baki Pada 01.01.2020 | 660 | 660 |
| Susutnilai | 330 | 330 |
| Pelupusan | - | - |
| Baki Pada 31.12.2020 | 990 | 990 |
| **Nilai Buku Bersih** | | |
| At 31.12.2020 | 809 | 809 |
| At 31.12.2019 | 1,139 | 1,139 |

Laporan Tahunan ke-26 PJMUM meliputi segala kegiatan dan aktiviti PJMUM di antara *Mesyuarat Agung Tahunan ke-25 sehingga bulan Julai 2020.*

## 1. JAWATANKUASA PJMUM

Ahli Jawatankuasa PJMUM bagi tempoh 2019 – Julai 2020 telah menjalankan 10 kali mesyuarat bulanan AJK dalam tempoh penggal pertama dan beberapa kali mesyuarat khas bagi urusan aktiviti tahunan yang telah dirancang.

Berikut adalah senarai barisan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PJMUM serta barisan Ahli Jawatankuasa bagi setiap PTJ:

| BIL | NAMA | JAWATAN | JABATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | ROSLEE HALIP | PRESIDEN | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| 2 | ROSMAWATI HASHIM | TIMB. PRESIDEN | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| 3 | FARALIZA BINTI ALIAS | SETIAUSAHA KEHORMAT | FAKULTI PERGIGIAN |
| 4 | NORSAIDIN BIN MAHUSIN | PEN. SETIAUSAHA KEHORMAT | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| 5 | HAZULINA CHE AB AZIZ | BENDAHARI KEHORMAT | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| 6 | MUHAIRIZAM MANAN | PEN. BENDAHARI KEHORMAT | FAKULTI KEJURUTERAAN |
| 7 | MOHD RIDZUAN BIN MAT | WEB MASTER | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| 8 | FAISAL HADI MOHD AMIZAM | AJK | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| 9 | NURZIHA SARAH ABDUL RAHMAN | AJK | INSTITUT SAINS BIOLOGI |
| 10 | MOHAMAD SHAHRIZAD ZAINAL ABIDIN | AJK | JABATAN GEOLOGI |
| 11 | RUHAIDA BAHRU | AJK | JABATAN KIMIA |
| 12 | NORLELA MOHAMED SHAHARDIN | AJK | JABATAN FIZIK |
| 13 | NOSRIHAH ISMAIL | AJK | FAKULTI PERUBATAN |
| 14 | NUR LATIFAH AHMAD ZAIDI | AJK | FAKULTI PERUBATAN |
| 15 | MOHAMAD HAIRUL AZMIR HARUN | AJK | PUSAT ASASI SAINS |
| 16 | JEBRI BIN SULAIMAN | AJK | IPPP |
| 17 | MOHAMAD SHUKRI ABDUL JAMIL | AJK | FAKULTI KEJURUTERAAN |

Encik Saharudin Bin Zainal dan Encik Mohamad Bin Aruf dilantik semula sebagai Juruaudit Dalaman manakala ***Syarikat Sylvester & Co***. kekal dilantik sebagai Juruaudit Luar PJMUM bagi tempoh berakhir 31 Disember 2020.

Semua barisan Ahli jawatankuasa PJMUM sesi 2019/2020 ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli PJMUM atas setiap kerjasama dan sokongan berterusan yang diberikan dalam setiap aktiviti yang dianjurkan dalam tempoh penggal pertama ini.

Ahli biasa PJMUM tidak kira ahli baru atau ahli lama sangat dialu-alukan membawa idea yang lebih kreatif dan segar dalam menyumbang kepada aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan nanti bagi meneruskan amanah memartabatkan warga kerja makmal di Universiti Malaya menerusi misi dan visi penubuhan PJMUM ini.

Pihak persatuan juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Jamil Bin Maah selaku penasihat PJMUM yang sentiasa berada dibelakang PJMUM memberi sokongan dan panduan yang tidak berbelah bagi.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Naib Cancelor UM dan pihak pengurusan UM yang lain atas sokongan, dan sumbangan yang telah diberikan kepada PJMUM terutamanya kepada pihak Pemangku Pendaftar Universiti Malaya serta pegawai di Pejabat Pendaftar serta bahagian sumber manusia atas kebenaran, pelepasan dan keizinan sehingga pihak persatuan mampu menjalankan beberapa aktiviti dan program dalam penggal ini dengan jayanya.

Tidak dilupakan juga sokongan berterusan daripada pihak Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaya (KKAUM) yang sentiasa mengambil berat akan beberapa isu melibatkan warga kerja makmal di Universiti Malaya.

## 1. AKTIVITI – AKTIVITI UTAMA SEPANJANG TEMPOH JULAI 2019 – JULAI 2020

### 1.1. PROJEK KALENDAR PJMUM 2020

